

90 peratus IPT bersedia teruskan PdP dalam talian

KUALA LUMPUR: Sebanyak 90.04 peratus institusi pengajian tinggi telah bersedia untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian sewaktu pasca Covid-19.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, ia berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pihak kementerian, selaras dengan pengurangan yuran pengajian sebanyak 20 peratus sebelum ini.

“Walau bagaimanapun, kajian mendalam akan dijalankan untuk melihat semula struktur yuran secara keseluruhan pengajian berdasarkan dapatan positif terhadap kualiti PdP dalam talian yang dijalankan.

“Ia juga diharapkan dapat memberi fleksibiliti terhadap pengambilan pelajar mengikut kesesuaian program dan sudah semestinya akan meningkatkan pengambilan pelajar. Dapatan kajian ini juga akan menjadi salah satu input yang akan digunakan kepada kita dalam merangka hala tuju pendidikan tinggi negara pasca pandemik Covid-19,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Pada masa sama, Noraini berkata, kementerian dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis e-Pembelajaran Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malay-

sia juga sedang menjalankan kajian kualiti PdP dalam talian semasa pandemik Covid-19.

Katanya, kajian itu mula dijalankan pada 15 Nov 2020 dan kini berada di peringkat akhir, dengan objektif utama adalah mengenal pasti faktor mempengaruhi kualiti pembelajaran dalam talian, keberkesanan dan kesediaan pelajar, tenaga pengajar IPT untuk meneruskan PdP.

“Terdapat empat kategori responden iaitu pelajar, tenaga pengajar, kakitangan sokongan dan governan IPT. Dari perspektif pelajar, kajian memfokuskan kepada kesediaan dan penerimaan pelajar. Kajian juga mengukur aspek tahap kesediaan pelajar menjalani pembelajaran kendiri, keberkesanan infrastruktur dan komunikasi dalam talian serta kawalan diri dan motivasi pelajar.

“Sebahagian daripada dapatan awal kajian menunjukkan bahawa 92.82 peratus IPT mempunyai sistem pengurusan pembelajaran dengan 62.2 peratus membangunkan sistem sendiri, selebihnya menggunakan perkhidmatan luar,” katanya.

Dari segi kesan terhadap emosi pelajar, Noraini berkata dapatan awal kajian menunjukkan 78.4 peratus pelajar tidak merasa tertekan dengan PdP dalam talian.